# DBKL perlu fikir cara terbaik selamatkan Kuala Lumpur

## Semua projek pembangunan di ibu kota mesti ambil kira risiko ancaman bencana

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa memikirkan kepentingan awam dan cara terbaik menyelamatkan ibu kota daripada terus terdedah kepada risiko ancaman bencana akibat projek pembangunan berterusan, bukan membenarkan lebih banyak kawasan hijau dikorbankan.

Pengerusi Selamatkan Kuala Lumpur, Datuk Mumtaz Ali, berkata pembangunan yang dibenarkan di kawasan puncak bukit dan lokasi sensitif sekitar ibu negara, termasuk Bukit Persekutuan mendedahkan lagi penduduk kepada ancaman bencana yang sememangnya sesuatu tidak boleh dijangka.

"Sepatutnya semua projek pembangunan di ibu kota termasuk di Bukit Persekutuan turut mengambil kira kepentingan rakyat yang lama terbeban akibat bencana alam disebabkan kerakusan membangunkan projek," katanya kepada *BH*, semalam.

Katanya, kerajaan sepatutnya memikirkan cara terbaik untuk menyelamatkan Kuala Lumpur daripada terus 'tenggelam' akibat projek pembangunan yang bagaikan 'cendawan tumbuh selepas hujan', bukannya membenarkan lebih banyak projek sedemikian menghapuskan kawasan hijau yang sepatutnya dikekalkan.

Beliau menegaskan, kawasan puncak bukit dan kawasan sensitif sekitar ibu negara, termasuk Bukit Persekutuan sepatutnya dikekalkan kerana ia antara kawasan hijau terluas yang masih ada di tengah kota raya kini.

"Jaminan DBKL seperti slogan 'KL Untuk Semua' (KL For All), tetapi kini Kuala Lumpur dilihat hanya untuk pembangunan yang tidak mendatangkan manfaat sepenuhnya kepada rakyat keseluruhan.

"Kawasan hijau yang patut dijaga sebagai warisan digondol. Sepatutnya kerajaan melalui DBKL, khususnya memikirkan cara menangani masalah dihadapi rakyat terutama banjir kilat yang sering berlaku sejak akhir ini.

"Banjir kilat di tengah bandar raya bukan perkara baharu dan menunjukkan Kuala Lumpur seolah tidak selamat, ditambah dengan pembangunan yang rancak dibangunkan," katanya.

Kelmarin, Kementerian Wilayah Persekutuan memberi jaminan semua projek pembangunan di ibu kota termasuk di Bukit Persekutuan tidak akan diluluskan jika gagal mematuhi kajian teknikal yang ditetapkan pihak berwajib, termasuk DBKL.

Mumtaz berkata, pihaknya tidak membantah pembangunan, namun perlu disesuaikan dengan situasi semasa, selain keadaan infrastruktur Kuala Lumpur yang semakin membimbangkan.

"Secara logiknya, Bukit Persekutuan antara kawasan hijau atau warisan yang 'tinggal', sepatutnya dipelihara, bukan digondol sehingga mengakibatkan banjir kilat dan tanah runtuh.

"Biarpun kerajaan pastikan kajian teknikal sebelum kelulusan, adakah ia benar-benar jamin keselamatan rakyat, khususnya di Kuala Lumpur?

"Seharusnya kerajaan memikirkan masalah yang dihadapi pengguna atau penduduk Kuala Lumpur sejak beberapa tahun dahulu sehingga kini yang menghadapi bencana banjir kilat dan tanah runtuh akibat penerokaan tanah bagi tujuan pembangunan," katanya.

> "Kerajaan sepatutnya memikirkan cara terbaik untuk menyelamatkan Kuala Lumpur daripada terus 'tenggelam' akibat projek"
>
> *Mumtaz Ali,*
> *Pengerusi Selamatkan Kuala Lumpur*



Sementara itu, Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata kawalan dan tindakan tegas kerajaan boleh menyelamatkan kawasan hijau daripada terus diteroka, sekali gus dapat mengelak banjir kilat serta menjaga habitat flora dan fauna.

"Dalam kes Bukit Persekutuan, ada 234 spesies flora dan fauna. Kita sambut baik usaha atau jaminan diberikan kerajaan dan DBKL, namun Bukit Persekutuan contohnya adalah kawasan hijau dalam hutan sekunder yang mampu bertindak sebagai 'span' menyerap air selain mengawal aliran hujan yang lebat.

"Jika digondol tanpa kajian teknikal yang betul, ia berisiko menyebabkan kerosakan dan sistem perparitan tersumbat sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat bertambah buruk dengan nilai kerugian turut meningkat," katanya.

Katanya, antara cadangan lain adalah memastikan DBKL sentiasa bekerjasama dengan pihak berkaitan, terutama Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memastikan isu banjir kilat, tanah runtuh tidak berulang serta mengancam penduduk.

"Kita tidak mahu apabila berlaku sesuatu bencana, barulah pihak berwajib memandang serius perkara ini.

"Seharusnya, ia ditangani sebelum berlaku kejadian membabitkan nyawa manusia, kemusnahan harta benda. Pastinya menghapuskan kawasan hijau membunuh habitat flora dan fauna," katanya.

# Tarikh vaksin kanak-kanak dilanjutkan 31 Mei depan

**Kuala Lumpur:** Tarikh akhir pemberian vaksin COVID-19 untuk dos pertama melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) yang sepatutnya tamat Ahad ini, akan dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

Keputusan itu dibuat Jawatankuasa Bertindak Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (CITF-C) mengambil kira sambutan Aidilfitri dan cuti kelepasan am yang jatuh pada tarikh akhir pemberian vaksin serta penutupan pusat pemberian vaksin (PPV).

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, keputusan itu dibuat melalui mesyuarat CITF-C Selasa lalu untuk memberi peluang ibu bapa yang masih ingin mendapatkan vaksin bagi anak mereka.

"Bagaimanapun, keputusan menetapkan tarikh akhir pendaftaran dan tempahan janji temu vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera iaitu pada 8 Mei lalu dikekalkan dengan tempahan janji temu tidak lagi diterima selepas tarikh berkenaan," katanya.

Beliau meminta ibu bapa yang berhasrat memberi vaksin kepada anak mereka tetapi belum berkesempatan berbuat demikian, rebutlah peluang terakhir berkenaan sebelum terlambat.

Katanya, selepas 31 Mei ini kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun tidak lagi ditawarkan vaksin percuma di bawah PICKids.

"Mereka perlu mendapatkan vaksin ditawarkan secara berbayar di pasaran swasta. Pengecualian diberikan kepada kanak-kanak berkenaan terpaksa membatalkan janji temu sebelum atau pada 31 Mei kerana mereka dijangkiti COVID-19," katanya.

# Syor dos penggalak kedua warga tua secara sukarela

**Putrajaya:** Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan pemberian dos penggalak kepada individu berumur 60 tahun dan ke atas boleh dibuat secara sukarela dalam tempoh empat hingga enam bulan selepas menerima suntikan dos penggalak pertama.

Individu 18 hingga 59 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk seperti penyakit kronik jantung, paru-paru, buah pinggang, hati dan lain-lain pula boleh ditawarkan dos penggalak kedua dalam tempoh sama selepas menerima dos penggalak pertama dan berbincang dengan pengamal perubatan berdaftar.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan, remaja berumur 12 hingga 17 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk boleh ditawarkan dos penggalak pertama tempoh empat hingga enam bulan selepas menerima dos primer dan berbincang dengan pengamal perubatan berdaftar.

"Seperti dijelaskan sebelum ini, individu yang lengkap menerima dos primer vaksin diikuti dengan dos penggalak pertama terbukti boleh mendapat perlindungan optimum daripada jangkitan COVID-19 yang teruk serta kematian.

"Namun disebabkan berlaku penurunan imuniti dalam tempoh yang tertentu (waning immunity), terutama kepada individu dalam kumpulan rentan, risiko masih lagi tinggi bagi kumpulan ini untuk mendapat jangkitan yang teruk, dimasukkan ke hospital dan seterusnya boleh menyebabkan kematian.

"KKM juga ingin memaklumkan pengambilan vaksin dos penggalak kedua ini adalah secara sukarela," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau juga memaklumkan bahawa penggunaan ubat antiviral 'Paxlovid' telah dimulakan sejak 15 April lalu bagi merawat pesakit COVID-19 dan sehingga 9 Mei, seramai 173 pesakit diberikan rawatan berkenaan, telah sembuh sepenuhya serta tiada sebarang kesan sampingan dilaporkan.

"Paxlovid dibekalkan untuk rawatan pesakit COVID-19 di 512 Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di klinik kesihatan dan 78 hospital kerajaan.

Setakat ini, keutamaan pemberian rawatan Paxlovid adalah kepada pesakit COVID-19 berisiko tinggi yang alami gejala ringan hingga sederhana.

"Kriteria pesakit COVID-19 yang akan diberi keutamaan adalah berumur 18 tahun dan ke atas, jangkitan COVID-19 Kategori 2 dan 3, tidak memerlukan terapi oksigen serta golongan berisiko tinggi memerlukan jangkitan COVID-19 yang teruk," katanya.

Golongan berisiko tinggi adalah pesakit diabetes, darah tinggi, buah pinggang, asma dan paru-paru kronik, jantung dan kanser dengan pengambilan ubat itu perlu dimulakan segera dalam tempoh lima hari sejak mula bergejala untuk keberkesanan optimum bagi mengurangkan risiko komplikasi jangkitan lebih teruk.

"Pesakit COVID-19 dalam kumpulan yang dinyatakan boleh hadir ke CAC di Klinik Kesihatan dan hospital kerajaan terpilih untuk dinilai kesesuaian sebelum boleh dimulakan dengan rawatan Paxlovid," katanya.

Katanya, KKM terus komited untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan bagi tujuan rawatan atau pencegahan penularan COVID-19 di Malaysia, dengan memastikan ia dinilai sewajarnya berdasarkan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan.

Pemilik diarah lakukan pembersihan serta-merta elak pembiakan nyamuk Aedes

# Rumah jadi macam tong sampah

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Bukan sahaja didakwa mengganggu ketenteraman jiran, malah sebuah rumah teres setingkat di Jalan Awan Kecil, Taman Yarl, Kuala Lumpur turut menjadi sarang pembiakan nyamuk terutama Aedes.

Apa tidaknya, rumah yang didiami sepasang suami isteri itu dipenuhi dengan pelbagai sisa kitar semula serta sampah sarap yang dikumpulkan pasangan terbabit sejak setahun lalu.

Perkara itu didedahkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan selepas melakukan operasi penguatkuasaan ke atas kediaman berkenaan kelmarin.

Pengarah SWCorp Wilayah Persekutuan, Ummi Kalthum Shuib berkata, seramai lima anggota penguat kuasa telah dikerahkan ke rumah terbabit selepas menerima aduan.

Menurutnya, serbuan sama turut disertai pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Seputih dan Alam Flora Sdn. Bhd.



**ANGGOTA** penguat kuasa memeriksa rumah yang dipenuhi sampah sarap di Taman Yarl, Kuala Lumpur kelmarin.



**BEGINILAH** keadaan di halaman sebuah rumah yang dipenuhi sampah.

"Siasatan awal mendapati, aktiviti pengumpulan sisa di kediaman itu sudah berlaku agak lama, namun ia semakin teruk akhir-akhir ini.

"Lebih membimbangkan apabila kawasan itu telah dilaporkan sebagai zon wabak denggi tidak terkawal oleh Jabatan Kesihatan DBKL Cawangan Seputih," katanya ketika dihubungi semalam.

Ummi Kalthum memberitahu, antara punca berlakunya wabak denggi adalah disebabkan ada pihak yang melakukan aktiviti pengumpulan sisa di kawasan premis persendirian.

Justeru, pihaknya telah mengarahkan pemilik terbabit supaya membersihkan segera sisa di rumah dan sekitarnya sehingga selesai.

"Pemilik kediaman diberi masa tiga hari untuk membuat pembersihan dan jika gagal, tindakan tegas akan dikeluarkan.

"Operasi ini dilakukan bagi memberi kesedaran kepada penduduk supaya sentiasa memastikan premis sentiasa dalam keadaan bersih dan serta bebas denggi," ujarnya.

## STAR METRO WATCH

**JOB FAIR**
Selangor Perkeso will be having a job fair - Karnival Jelajah Jobcare Selangor - on May 14 at Dewan Taman Gemilang in Dengkil from 9am to 5pm. Pre-registration is required. Those interested can register at https://bit.ly/KARNIVALKERJAYAUP22.

**SURVEY ON POLICIES**
The Communications and Multimedia Ministry is conducting a survey on the people's awareness about new government policies related to early warning of disasters. Those above 18 years old are encouraged to participate. To participate, visit www.surveymonkey.com/r/KPIsiri1_2022

**MOBILE UNIT**
The mobile unit of Shah Alam City Council - Shah Alam on Wheels - will be stationed at Plaza Masalam Section 9 carpark on May 14, from 11am to 5pm. Counter services such as payment of assessment taxes and parking compounds will be available.

**VISUAL ARTS WORKSHOP**
The Education Ministry is calling all secondary school students and teachers to join its National Secondary School Visual Arts Workshop on Landscape Painting on May 21 from 2pm until 4pm, and Figure Painting on May 25 from 2pm to 4pm. Participation is free. For details, call 013-629 6829 (Azizah) or 014-935 0012 (Jeegateswary) or email bengkelsenivisualsmksaspj@gmail.com

**WESAK CELEBRATION**
Selangor Buddhists Kunzang Chokhor Ling Association is holding a tripitaka-carrying ceremony and light parade at Level 2, Plaza Seri Setia in Petaling Jaya on May 15 at 7pm in conjunction with Wesak Day. A blessing ceremony will also be held there from 10am to 5pm. Devotees will be provided with vegetarian lunch and dinner.

**CALL FOR PAPERS**
National Library (PNM) is calling for academic papers from Malaysians on librarianship, information technology and communication. Articles submitted will be published in PNM academic journals. Papers must be submitted before June 15 either via email at penerbitan@pnm.gov.my or posted. The writing guideline is available at https://tinyurl.com/garispanduanartikel. For details, call 03-26871763 (Siti Zubaidah Ahmad) or 03-26871876 (Amirah Anuar/Nur Amalina Mohama).

**COUNCIL MATTERS**
> Pasir Gudang City Council is offering 100 short-term vacancies for general workers under the MyStep programme. Online application at shorturl.at/etPZ3 is open for those aged 18 to 45 until May 15. For details, visit www.mbpg.gov.my
> There are vacant trading premises at food courts and public markets under Port Dickson Municipal Council. Applications are open online at http://mymppd.mppd.gov.my/mymppd/ until today. For details, call the council Property Management and Valuation Service Department at 06-646 2057.
> Those looking to advertise on billboards in Shah Alam can contact Shah Alam City Council at its Property Management and Valuation Service Department - Zawawi (019-220 8900) or Wan Suraya (012-662-4846).
> Ampang Jaya Municipal Council is organising a rat eradication programme in Pandan Jaya. RM3 will be paid for each rat brought into the public field beside the Selangor Public Library Corporation at Jalan Pandan 4 from 8am to noon on May 21 and 28, June 11 and 25, and July 9 and 23. For details, call 03-4285 7007.

# Making it safer on the roads for all

## DBKL drawing up by-laws to govern use of micromobility vehicles in parks



Stories by BAVANI M.
bavanim@thestar.com.my

Scan the QR code here to view the interactive story on micromobility vehicles on *TheStar.com.my*

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) will be drawing up a comprehensive guideline to regulate the use of micromobility vehicles in the city following the ban on such machines on public roads.

DBKL now has the unenviable task of drawing up guidelines and by-laws on the use of vehicles in that category such as electric scooters (escooters) at parks, footpaths, pavements and any public areas under its jurisdiction.

The by-laws will address the use of different types of electric scooters, including the implementation of licences for users and suppliers and escooter sharing companies.

DBKL Socio-economic Development executive director Datuk Anwar Mohd Zain said the local authority was aware of its responsibilities to implement and regulate new laws on micromobility vehicles but needed time to draft the guidelines.

"Give us time. We need to look at this closely and come up with something beneficial and safe for everyone," he said when contacted by *StarMetro*.

"Key to this is also ensuring that the infrastructure is in place when the guidelines are implemented."

So until then, micromobility vehicles are prohibited on city roads, public parks, five-foot ways and pedestrian walkways in Kuala Lumpur.

On April 26, the government banned the use of certain types of micromobility vehicles on public roads.

Citing safety reasons, Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said the prohibition involved mopeds as well as personal mobility vehicles including electric scooters and those with internal combustion engines.

The ministry, however, has allowed the disabled community to use motorised wheelchairs on bicycle lanes and cross roads even where there are no zebra crossings.

What this means to the man on the street is that all types of escooters, electric bicycles or ebikes, unicycles, skateboards and hoverboards are no longer allowed on public roads.

These things can only be used in areas that have been gazetted by the respective local authorities.

In Kuala Lumpur, there is an existing ban on electric scooters on roads by the police but with the national ban, the ministry now calls on the respective local governments to manage and regulate the usage of micromobility vehicles.



Anwar: DBKL needs time to study micromobility by-laws and licensing aspects before coming up with rules and regulations.

### 'Ban is good'

Photographer Brian Moh says the use of these micromobility machines needs to be nipped in the bud.

"They are a nuisance and dangerous," he said.

He recalled his harrowing experience driving in the city centre recently.

"A child riding an escooter came out of nowhere. It was dark and he was moving so fast,"

# Bukit Jalil taxi drivers losing 'last mile' customers to escooter service

EVERY day, a group of taxi drivers wait patiently to ferry passengers disembarking at the Bukit Jalil LRT station near the Bukit Jalil Stadium to their next stop.

After losing a large portion of their business to ride-ehailing companies, these taxi drivers now bank on customers at the LRT station to hire them for the last mile of their journey.

But it has not been rosy for them since a Singapore-based electric scooter sharing service started placing escooters at the bus stop near the LRT station.

"Now people, especially the younger generation, tend to use the escooters to get home or to the malls nearby, which used to be our fares," said a driver who only wanted to be identified as Raj.

"They prefer using escooters to get to their final destination and there is nothing we can do about it," he said.

"We wait all day, sometimes from 7am to 8pm, to ferry people to and from the LRT station to condominiums and commercial shops nearby," said Rahman, another taxi driver.

He said taxi drivers barely made RM70 a day now even though they used to make about RM100 before the escooters' arrival.



Taxi drivers waiting patiently for customers at the Bukit Jalil LRT station bus-stop. They now face competition from escooter companies which have placed their vehicles for rent there.

He said, "The escooter companies don't even have the approval to operate here and I know the stadium (Bukit Jalil) has banned them inside the premises, so they place the scooters at the bus stop."

Escooter user Mohd Razi, who works in Endah Parade, said he used the escooter in Bukit Jalil to get to work.

"My workplace is close by but not walking distance.

"I used to take a taxi and it cost about RM5 to RM8.

"If I choose an ehailing service, it can be as much as RM10 or RM15.

"But the escooter only costs RM2, so I use the scooters now," he said.

Another escooter user Roger Wong prefers the two-wheelers to get around the area as it is cheap, fast and convenient.

"No hassle at all. I will keep using it because it is suitable for me," he said.

When *StarMetro* visited the area recently, escooters were left at the bus stop with some blocking the tactile pathway.

Because they are dockless, many of the two-wheelers cluttered walking paths and roads.

Down the road, many of the two-wheelers were either left on the roadside or propped up against trees or left by road kerbs.

At Bukit Jalil National Stadium, the management has banned the use of escooters on its premises.

"Banning them from the premises was for safety reasons," said stadium spokesperson Noriza Md Ali.

"There are many joggers here. There were concerns that escooter riders were riding fast and we saw that as a safety risk," Noriza added.

Kuala Lumpur City Hall said complaints of obstruction and escooters being abandoned had poured in daily via the DBKL hotlines.





An escooter user riding in one lane of Jalan Ampang, Kuala Lumpur, alongside cars.

(Right) Two men seen on an escooter using the zebra crossing near KLCC. — Photos: SAMUEL ONG and IZZRAFIQ ALIAS/The Star



Edi Khushairy of Personal Electric Vehicle Association.



Aimee: As a responsible user, I suit up in protective gear of helmet, elbow and knee pads.





Users showing an electric unicycle which is a self-balancing personal transporter with a single wheel and (right) an electric bicycle or ebike in a private compound.

he said.

He added that he dreaded to think what could have happened if he didn't react quick enough.

Realtor Shamini M. said escooters dominating the pavements and pedestrian lanes made her feel unsafe.

"They weave in and out of lanes with little care for rules and personal safety.

"I have seen two people on one escooter, sometimes children, and they don't wear helmets and protective gear.

"They should be taken off the streets," she added.

## Enforcement needed

Due to the lack of regulation and enforcement, there has been a proliferation of escooter sharing services in Kuala Lumpur.

Shared micromobility vehicles, especially escooters, are popping up in increasing numbers everywhere.

Head downtown to the Kuala Lumpur city centre in the evenings and one can see hundreds of people riding two-wheelers, zigzagging through traffic, pedestrian walkways and parks.

You can spot children as young as 12 using escooters on roads.

Personal Electric Vehicle Association (PEV Malaysia) president Edi Khushairy Abdul Kadir said the issue was with people using electric scooter sharing services who gave genuine users a bad name.

"Such vehicles are popular because of their convenience and portability," he said.

Aimee Nurhaneem, who enjoys using her favourite unicycle to get around at parks, said she would suit up in safety gear before going out.

"I spent thousands of ringgit on a helmet, elbow and knee pads for personal protection because I am responsible user," she said.

Self-employed Happy Garden resident Christoper Chong said the escooters were handy during the height of the movement control order.

"My trips are within a 5km radius," he added.

# Smooth traffic flow at Seri Kembangan intersection after lights fixed

TRAFFIC flow is smooth once again at the Jalan Besar and Jalan BS3/1 interchange in Seri Kembangan, Selangor, as the signal lights are now working.

This was confirmed by Puchong MCA division chairman Datuk Liew Yuen Keong who said as of yesterday, the traffic lights at the intersection were functioning.

Video footage sent by Liew showed traffic coming from Jalan Besar were now stopping to allow vehicles from Jalan BS3/1 to turn right safely.

This was in contrast to two days ago when motorists from Jalan Besar just sped through without slowing down or stopping at the interchange.

Due to the faulty lights, there were collisions between vehicles and near misses at the intersection.

Liew said Seri Kembangan residents put up with dangerous road conditions for the past four months before the problem was rectified.

He thanked the authorities for addressing the problem as the Jalan Besar thoroughfare was now safer for motorists.

When contacted, Selangor Public Works (JKR) director Lokman Nasir said the maintenance of Jalan Besar, where the Serdang, Sungai Buloh, Putrajaya line would run through, was under MRT Corp.

"I was informed by MRT Corp that immediate action was taken to rectify the issue. JKR will also be monitoring this area closely," said Lokman. — By GRACE CHEN



The traffic lights at the Jalan Besar and Jalan BS 3/1 interchange in Seri Kembangan are now functioning.